

29hb. Oktober, 1977.

## SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 29 TAHUN 1977

### Meminda Rekod Tarikh Lahir

Saya diarah menarik perhatian tuan kepada Perintah Am Bab 'A' 68 mengenai dengan pindaan rekod tarikh lahir bagi pegawai-pegawai Kerajaan.

2. Tujuan Surat Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan kepada semua Ketua-ketua Jabatan akan tindakan-tindakan yang perlu diambil apabila menerima permohonan untuk meminda tarikh lahir tersebut.

3. Perintah Am Bab 'A' 68 itu berbunyi seperti berikut:-

"Seseorang pegawai yang dilantik sebelum **1.2.1957** boleh dibenarkan meminda rekod tarikh lahirnya dengan mengemukakan **Sijil Beranak** yang boleh diterima. Surat Sumpah tidak boleh diterima menggantikan Surat Beranak atau menyokong satu Surat Beranak yang tidak mempunyai nama".

4. Mengikut peruntukan ini, maka hanya pegawai-pegawai yang dilantik ke perkhidmatan Kerajaan sebelum 1.2.1957 yang layak dibenarkan meminda tarikh lahirnya yang telah dicatatkan dalam Rekod Perkhidmatannya. Pemindaan tarikh lahir ini pula hanyalah boleh dipertimbangkan jika pegawai itu dapat mengemukakan Sijil Beranak yang boleh diterima. Ini bermakna bahawa pegawai-pegawai kerajaan yang dilantik pada atau selepas tarikh 1.2.1957 tidak layak meminda tarikh lahir yang telah dicatatkan dalam Rekod Perkhidmatannya, walaupun disokong dengan Sijil Beranak. Ini juga bermakna bahawa pegawai-pegawai yang layak meminda rekod tarikh lahirnya tidak akan dibenarkan berbuat demikian kalau mereka mengemukakan dokumen-dokumen lain daripada Sijil Beranak yang boleh diterima sebagai bukti tarikh lahir yang sebenar.

### Sijil Beranak yang dikeluarkan di luar Malaysia

5. Jabatan ini ada juga menerima permohonan meminda tarikh lahir yang disokong oleh Sijil-sijil Beranak yang dikeluarkan oleh negara-negara diluar Malaysia. Atas budibicara Jabatan ini, Sijil-sijil Beranak itu boleh juga diterima untuk tujuan meminda tarikh lahir. Walau bagaimanapun telah diputuskan bahawa pegawai-pegawai yang membuat permohonan itu hendaklah terlebih dahulu mendapatkan pengesahan Sijil-sijil Beranak itu daripada Perwakilan Diplomatik Malaysia di negara tempat Sijil Beranak itu dikeluarkan sebelum mengemukakan permohonan itu untuk pertimbangan Jabatan ini. Selagi Sijil-sijil Beranak itu tidak disahkan oleh pehak Perwakilan Diplomatik Malaysia yang berkenaan, maka Sijil Beranak tersebut tidak akan diterima untuk tujuan meminda tarikh lahir.

### Tindakan yang perlu diambil oleh Ketua Jabatan

6. Apabila Ketua-ketua Jabatan menerima permohonan meminda tarikh lahir dari pegawai-pegawai yang berkhidmat di Jabatan masing-masing, maka hendaklah dipastikan terlebih dahulu bahawa permohonan itu datangnya dari pegawai yang telah dilantik sebelum 1.2.1957 dan permohonannya disokong oleh Sijil Beranak. Jika permohonan tersebut datang daripada pegawai yang dilantik pada atau selepas 1.2.1957 ataupun sekiranya datang dari pegawai yang dilantik sebelum daripada tarikh itu tetapi tidak disokong dengan Sijil Beranak, maka Ketua-ketua Jabatan bolehlah menolak permohonan tersebut tanpa dirujukkan kepada Jabatan ini. Walau bagaimanapun satu salinan surat yang menolak permohonan itu bolehlah dipanjangkan ke Jabatan ini untuk tujuan rekod.

7. Bagi permohonan yang datang dari pegawai yang layak dan disokong oleh Sijil Beranak, maka Ketua-ketua Jabatan bolehlah memanjangkan permohonan itu kepada Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam dengan mengemukakan bersama-sama butir-butir yang berikut:-

- (i) Sijil Beranak asal;
- (ii) Satu Salinan Penyata Perkhidmatan;
- (iii) Ulasan Ketua Jabatan.

Peraturan ini juga hendaklah diikuti bagi permohonan-permohonan yang disokong oleh Sijil Beranak yang dikeluarkan di Luar Malaysia dengan syarat Sijil Beranak itu telahpun disahkan oleh pehak perwakilan Diplomatik Malaysia di negara yang mengeluarkannya.

#### **Tempoh mengemukakan permohonan untuk meminda rekod tarikh lahir**

8. Adalah didapati Ketua-ketua Jabatan sering mengemukakan permohonan untuk meminda rekod tarikh lahir seseorang pegawai itu ke Jabatan ini dalam masa yang tersangat lewat. Kadangkala ada permohonan yang diterima pada saat pegawai itu hampir bersara. Tindakan ini adalah menyulitkan pentadbiran dan menimbulkan berbagai masalah perkhidmatan. Oleh itu adalah diputuskan supaya Ketua-ketua Jabatan mengemukakan permohonan meminda rekod tarikh lahir dari seseorang pegawai itu dengan seawal-awalnya dan selewat-lewatnya 5 tahun dari tarikh pegawai-pegawai itu mencapai umur wajib bersara mengikut rekod tarikh lahir yang asal. Adalah menjadi kewajipan Ketua-ketua Jabatan untuk menarik perhatian semua pegawai-pegawai yang layak di Jabatan masing-masing akan tarikh lahir yang tercatit dalam Rekod Perkhidmatan mereka untuk disemak oleh tiap-tiap pegawai itu. Jika sekiranya perlu dilakukan pindaan terhadap rekod tarikh lahir itu, maka hendaklah dikemukakan permohonan kepada Ketua Jabatan untuk dipanjangkan ke Jabatan ini dengan seberapa segeranya mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling ini.

9. Ketua-ketua Jabatan adalah diminta meneliti kandungan Surat Pekeliling ini dan mengambil tindakan-tindakan sewajarnya.

Saya yang menurut perintah,

(MOHD. SALLEH BIN YAHYA)

Bahagian Perkhidmatan,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

#### **Kepada:**

Ketua Setiausaha Negara, Jabatan Perdana Menteri.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/Negeri.

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

Setiausaha, Suruhanjaya Pilihan Raya.